

**PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM IBN QAYYIM
AL-JAWZIYYAH : ANALISIS TERHADAP
KITAB *MIFTĀH DĀR AL-SA'ĀDAH***

RAIHANIAH BINTI ZAKARIA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2014

**PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH :
ANALISIS TERHADAP KITAB *MIFTĀḤ DĀR AL-SA'ĀDAH***

oleh

RAIHANIAH BINTI ZAKARIA

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2014

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Al-ḥamdulillāhi Rabb al-‘Ālamīn, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W., keluarga dan sahabat baginda r.a. serta orang-orang yang mengikuti jejak langkahnya hingga hari kiamat.

Al-hamdulillah, sekali lagi ucapan syukur tidak terhingga kepada Allah S.W.T. kerana dengan segala ilham, limpahan kurnia dan pertolongan-Nya, tesis ini dapat disiapkan. Ilham dan limpah kurnia ini sebenarnya melalui sebab musabbab dan rentetan yang panjang namun demikian ada beberapa momen berharga yang ingin diungkapkan sebagai tanda ingatan, penghargaan, dorongan dan motivasi. Ianya adalah berkenaan dengan kuasa niat, doa, usaha dan persahabatan. Dorongan untuk menyambung pengajian menjadi semakin kuat selepas sahaja penulis berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana dari Akademi Islam Universiti Malaya pada tahun 2008. Namun demikian had umur menjadi penghalang kepada penulis untuk memohon sebarang cuti bagi melanjutkan pengajian di peringkat PhD. Setiap waktu dilalui dengan doa mudahan Allah S.W.T membukakan peluang dan rahmatnya untuk penulis menimba ilmu dan memantapkan diri sebagai persediaan berhadapan dengan guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru.

Pada bulan Jun 2009 penulis dilibatkan oleh pihak IPG Perlis sebagai salah seorang AJK Urusetia Wacana Penyelidikan & Inovasi Profesionalisme Keguruan Zon Utara 2009 bertempat Hotel Hydro Majestic Pulau Pinang. Dalam Majlis tersebut terdapat satu slot bengkel perbincangan para pensyarah IPG dengan pihak pegawai-

pegawai kanan BPG (Bahagian Pendidikan Guru) dalam membentuk Pelan strategik untuk Pembangunan Pendidikan dan kecemerlangan IPGM melalui inovasi. Sebagai salah seorang peserta dalam perbincangan tersebut penulis telah mengemukakan pandangan dan hasrat supaya pihak BPG memberi peluang kepada pensyarah IPG yang berumur 40 tahun keatas diberi peluang cuti bergaji penuh tanpa biasiswa bagi melanjutkan pengajian di peringkat PhD. Sesuatu yang diluar dugaan penulis telah berlaku dengan izin Allah S.W.T. Pada bulan Jun 2010 penulis telah berjaya mendapat tawaran Hadiah Latihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia 2010 di bawah skim Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa.

Sehubungan dengan itu penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pegawai kanan BPG pada waktu itu yang bertanggungjawab membawa usulan tersebut iaitu Dr. Zaida Mustafa, Dr Nashruddin Bashar, Dr. Rosli Yacob dan lain-lain. Penghargaan juga untuk rakan-rakan di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Keguruan IPG Perlis iaitu Dr. Faridah Yacob, Dr. Chow Fook Meng, Pn. Amani Dato' Dahaman, Pn. Naziroh Ibrahim dan lain-lain. Penghargaan khusus untuk IPG Perlis juga ialah kepada sahabat penulis iaitu Tn. Hj Md Rusli bin Rashid mantan pengarah IPG Perlis yang sentiasa memberi motivasi yang tinggi kepada penulis untuk sentiasa meneroka dunia ilmu.

Dorongan dan motivasi beliau telah membentuk tapak yang kukuh kepada penulis dalam memilih tajuk kajian PhD ini. Ianya bermula dari kajian bersama dengan beliau yang dibentangkan oleh penulis dalam bentuk poster (Poster Presentation) bertajuk "Kaedah Tadarrus dan Kooperatif Learning: Satu Kajian Perbandingan" pada 22-24 Julai 2009 bertempat di Hotel Copthorne, Tanjung Bungah Pulau Pinang. Penghargaan juga ditujukan kepada mantan Timbalan Pengarah IPG Perlis, Dr Hj

Hamzah b. Ihsan. Rakan-rakan di Jabatan Pengajian Islam (JAPIM) IPG Perlis, Dr. Mohd Rosdi b. Mahamud, En. Joohari Hashim, Pn. Hjh Sodah Ahmad, En. Ahmad Rahimi Ishak, En Zulkarnain Mohamad, En. Mahammad b. Abdullah, Pn. Hjh Zawati Awang dan Pn. Saidah Harith.

Khusus untuk Kajian ini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah penyelia Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang tinggi kepada penulis sepanjang kajian ini. Beliau bukan sahaja sebagai pensyarah pembimbing tetapi sebagai sahabat yang sentiasa bermurah hati, berlapang dada dan memberi kepercayaan yang penuh kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini sebaik mungkin. Kesemua elemen tersebut memberi semangat dan kepuasan intelektual yang mendalam kepada penulis untuk berkreasi. Semoga Allah jua yang dapat membalas segala kebaikan dan teladan mulia yang ditunjukkan. JazaLlahu Khair al-Jaza'. Rakaman penghargaan ini juga ditujukan kepada penyelia bersama iaitu Dr.Jasni Sulong yang juga telah membimbing pengkaji dalam penulisan ini. Beliau juga bukan sahaja sebagai pensyarah pembimbing bahkan sebagai sahabat yang memberi semangat dan dorongan serta sangat memudahkan urusan pengkaji dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan penyerahan tesis dan proses viva. JazaLlahu Khair al-Jaza'.

Seterusnya kepada semua pensyarah Bahagian Pengajian Islam, PPIK USM yang telah berjasa menjadi guru kepada penulis samada secara langsung atau tidak langsung melalui pembentangan, bengkel-bengkel penulisan dan penyelidikan. Segala ilmu yang dicurahkan di pohon hanya kepada Allah S.W.T supaya membalasnya dengan sebaik-baik pembalasan. Terimakasih ini ditujukan khusus kepada Profesor Madya Dr. Noor Shakirah Mat Akhir, Dr. Roshimah Shamsuddin selaku pemeriksa tesis ini yang telah

mengerahkan segala daya usaha untuk memeriksa, memberi panduan kepada pengkaji bagi menjadikan tesis ini sebaik mungkin untuk perkembangan ilmu dan intelektual. JazahumaLlah Khair al-Jaza'. Seterusnya Dr. Mohd Nizam Sahad, Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Radzi bin Othman dan Profesor Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah dan lain-lain.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru pengkaji di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya khususnya kepada Profesor Madya Dr. Mohamad Kamil b. Hj Ab. Majid yang sentiasa memandu penulis dengan ilmu dan kebaikan hati budinya, Profesor Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat, Profesor Madya Dr. Hjh Che Zarrina Sha'ari, Profesor Madya Dr. Khadijah Mohd Hambali, Profesor Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali dan Profesor Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah.

Penghargaan yang paling tinggi juga pengkaji tujukan kepada sahabat karib iaitu suami tercinta Dr. Ahmad Sabri b. Osman yang bersama-sama pada masa susah dan senang dalam mendaki puncak ilmu ini. Beliau adalah sahabat terbaik anugerah Allah S.W.T yang sentiasa memberi pertolongan material, spiritual, emosi dan intelektual. Mudahan Allah S.W.T menganugerahkan barakah, rahmat iman dan ilmu serta segala kebaikan dunia dan akhirat untuk beliau. Melaluinya pengkaji dapat menimba ilmu berkenaan pemikiran yang ada kaitan dengan pemikiran pendidikan khususnya pemikiran Islam secara langsung melalui sesi temubual bersama tokoh-tokoh pemikiran Islam dalam dunia ilmu dan intelektual semasa seperti Prof Dr. Ibrahim Mohamed Zein, Dekan Kuliyyah Ilmu Wahyu UIAM, Profesor Dato' Dr. Md. Salleh Yaapar dari USM Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha dari UIAM, Dr. Haslina juga dari UIAM, Dr. Mohd Farid Shahrani Fellow Kanan Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM. Seterusnya barisan pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti

Ekologi Manusia UPM iaitu Profesor Madya Dr. Zaid Ahmad, Dr. Amini Amir b. Abdullah, Dr. Ahmad Tarmizi Talib dan Dr. Adhlina Hj Abd. Halim.

Seterusnya ialah barisan pensyarah Fakulti Pengurusan dan Kepimpinan USIM iaitu, Profesor Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim, Profesor Madya Dr. Mohd Rushdan b. Mohd Jailani, Pn. Roslizawaty Mohd Ramli dan Wan Mohd Faizul Azdi b. Wan Razali. Pengalaman berada dalam sesi dialog dan temubual dengan barisan ilmuwan ini memberi kesan dan kedatangan makna yang mendalam kepada pengkaji, khususnya dalam memberi kefahaman terhadap ilmu-ilmu berkaitan dengan pemikiran Islam. juga sebagai rasa mendapat keberkahan dan nikmat intelektual sepanjang pengajian ini. Benarlah sungguh ibarat "menuntut ilmu bersama guru walau satu jam lebih bererti dari 1000 jam mencari ilmu tanpa guru".

Penghargaan yang tinggi seterusnya adalah untuk bonda al-Marhumah Hjh Saudah bt. Idris dan al-Marhum Tuan Guru Hj Zakaria b. Ismail. Semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat ke atas roh mereka berdua. Semoga tesis ini menjadi salah satu amal soleh yang mendapat ganjaran di sisi-Nya dan pahalanya penulis sedekahkan kepada keduanya yang telah memelihara dan mendidik penulis menjadi "manusia" seperti mana hari ini. Kata keramat ayahanda pada suatu hari " orang yang cerdik pada mata ayah adalah orang yang menulis buku" sentiasa di ingati dan sentiasa memberi dorongan pada setiap waktu.

Seterusnya penghargaan ini ditujukan kepada saudara mara, kaum kerabat penulis khususnya kakak, abang dan adik iaitu Pn. Hjh Zaharah, Pn. Hjh Asiah, Pn. Hjh Hasanah, Pn. Hjh Azizah, Pn. Hjh Faridah, Tn. Hj Zulkifli, Tn Hj. Yahya, Tn. Hj Mohammad Abdoh, Tn. Hj Fadzley Hisham dan Pn. Hjh Anisah. Sesungguhnya kasih sayang yang ditunjukkan memberi lebihan rasa gembira dan semangat untuk meneruskan

pendakian ini, terima kasih di atas sokongan moral dan spiritual kalian. Semoga seluruh ahli keluarga sentiasa bersama di dunia dan berkumpul semuanya pula di syurga.

Seterusnya karya ini didedikasikan khusus untuk anak-anak permata hati Hakimah, Muhammad Hasnan Hakim, Muhammad Muhsin dan Muhammad Mukhlis. Mudahah perjuangan umi dan abah sentiasa berkesinambungan. Semoga anakanda semua memilih bidang pengajian Islam sebagai bidang pilihan utama dalam meneruskan perjuangan ilmu dan intelektual sebagaimana yang telah dijejaki oleh seluruh ahli keluarga sepanjang zaman. Semoga Allah S.W.T menerima usaha ini sebagai amal soleh di sisi-Nya. Terima kasih semuanya. Semoga Allah S.W.T. mengganjari kita semua dengan sebesar-besar ganjaran, amin ya *Rabb al-‘Ālamīn*.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xvi
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xx
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	3
1.3 PERSOALAN KAJIAN	19
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	19
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	20
1.6 TINJAUAN LITERATUR	22
1.6.1 Kajian Dalam Pemikiran Pendidikan Secara Umum	23
1.6.2 Kajian Pemikiran dan Ketokohan Ibn Qayyim al-Jawziyyah Dalam Pelbagai Bidang Ilmu	29
1.6.3 Kajian Terhadap Pemikiran Pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah	34
1.7 SKOP KAJIAN	37
1.8 METODOLOGI KAJIAN	38
1.8.1 Metode Pengumpulan Data	39
1.8.2 Metode Analisis Data	41
BAB DUA:PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM	
2.1 PENDAHULUAN	44
2.2 FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM	45
2.2.1 Definisi Falsafah Pendidikan Islam	45
2.2.2 Ruang Lingkup Perbahasan dalam Falsafah	

	Pendidikan Islam	47
2.2.3	Komponen Perbahasan Falsafah Pendidikan Islam	48
	(a) Metafizik	49
	(b) Epistemologi	64
	(c) Aksiologi	78
	(d) Makna dan Definisi Pendidikan	79
	(e) Tujuan Pendidikan	85
	(f) Kurikulum	89
	(g) Metodologi	93
2.3	KESIMPULAN	99

BAB TIGA: RIWAYAT HIDUP IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH DAN SUMBANGANNYA KEPADA PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM

3.1	PENDAHULUAN	101
3.2	KELAHIRAN SERTA PERSONALITI IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH	
3.2.1	Kelahiran dan Kematian Ibn Qayyim al-Jawziyyah	102
3.2.2	Latar Belakang Keluarga	104
3.2.3	Akhlak dan Keperibadian Ibn Qayyim al-Jawziyyah	105
3.3	LATAR BELAKANG PENDIDIKAN SERTA PENGLIBATAN IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH DALAM DUNIA ILMU DAN PENDIDIKAN	
3.3.1	Ilmu-Ilmu yang di Pelajari oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah	107
3.3.2	Guru-Guru Ibn Qayyim al-Jawziyyah	109
3.3.3	Kerjaya dan Penglibatan dalam Dunia Ilmu	114
3.3.4	Karya-Karya Penulisan	119
3.4	SUMBANGAN DAN KETOKOHAN IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH DALAM BIDANG ILMU DAN PEMIKIRAN PENDIDIKAN	126
3.4.1	Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Pemikiran Akidah, Ilmu Kalam dan Falsafah.	126
3.4.2	Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Pemikiran Tasawuf	133
3.4.3	Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Bidang Fikah, Ilmu Tafsir dan Hadis	144
3.4.4	Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam Pemikiran Pendidikan	149
3.5	KESIMPULAN	155

**BAB EMPAT :ANALISIS TEKS DAN ISI KANDUNGAN KITAB
MIFTĀḤ DĀR AL-SA'ĀDAH WA MANSHŪR
WALĀYAH AHL-'ILM WA AL-IRĀDAH**

4.1	PENDAHULUAN	157
4.2	JUDUL KITAB	157
4.3	KEASLIAN KITAB	158
4.4	HIMPUNAN MANUSKRIP	159
4.5	EDISI DAN PERCETAKAN KITAB	162
4.6	SUSUNAN KITAB	167
4.7	TUJUAN DAN SASARAN PENULISAN KITAB	168
4.8	METODOLOGI PENULISAN KITAB	172
4.9	SUMBER PENULISAN KITAB	178
4.10	TESTIMONI PARA SARJANA TERHADAP KITAB MIFTAH DAR AL-SA'ADAH	187
4.11	ISI KANDUNGAN DAN PERBAHASAN KITAB SERTA PERKAITANNYA DENGAN ASPEK METAFIZIK DAN EPISTEMOLOGI	190
4.12	KESIMPULAN	197

**BAB LIMA : DEFINISI DAN TUJUAN PENDIDIKAN IBN QAYYIM AL-
JAWZIYYAH DALAM KITAB MIFTĀḤ DĀR AL-SA'ĀDAH**

5.1	PENDAHULUAN	199
5.2	DEFINISI PENDIDIKAN	200
5.3	TUJUAN PENDIDIKAN	205
5.3.1	Tujuan Tertinggi	206
5.3.2	Tujuan Umum	214
	(a) Tujuan Pendidikan Akidah	214
	(b) Tujuan Pendidikan Ruhiyah	235
	(c) Tujuan Pendidikan Ilmu dan Intelektual	244
	(d) Tujuan Pendidikan Fitrah	253
	(e) Tujuan Pendidikan Kemahiran dan Profesional	263
	(f) Tujuan Pendidikan Kesehatan Jasmaniah	266

	(g) Tujuan Pendidikan Bahasa	268
	(h) Tujuan Pendidikan Ijtima'iyah	273
5.4	KESIMPULAN	274

**BAB ENAM : KURIKULUM DAN METODOLOGI PENDIDIKAN
IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH DALAM KITAB MIFTĀH DĀR
AL-SA'ĀDAH**

6.1	PENDAHULUAN	276
6.2	KURIKULUM PENDIDIKAN IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH	276
6.2.1	Klasifikasi ilmu dan Kandungan Kurikulum	277
	(a) Ilmu Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah	278
	(b) Ilmu Kemahiran Kraftangan dan Kemahiran Profesional	294
	(c) Ilmu-Ilmu yang Tidak Bermanfaat	296
6.3	METODOLOGI PENDIDIKAN ISLAM IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH	309
6.3.1	Metodologi Pengajaran	309
	(a) Pendekatan dalam Proses Pengajaran	309
	i. Metode Bercerita	310
	ii. Metode Perumpamaan	313
	iii. Metode Diskusi	316
	iv. Metode Penulisan	321
	v. Metode Pembiasaan	325
	vi. Metode al-Tarhib wa al-Tarhib	327
	vii. Metode Tadrij	331
	(b) Adab dan Perilaku Guru sebagai Pendidik	333
6.3.2	Metodologi Pembelajaran	337
	(a) Persiapan Spiritual dan Adab-Adab Belajar	338
	(b) Pendekatan Pembelajaran	342
	i. Metode Soal Jawab	344
	ii. Metode Kefahaman	346
	iii. Metode Tafakur	348
6.4	KESIMPULAN	358

BAB TUJUH:KESIMPULAN DAN PENUTUP

7.1	KESIMPULAN	362
-----	------------	-----

7.2	SARANAN	380
7.2.1	Saranan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Pendidikan Guru	381
7.2.2	Saranan kepada Warga Pendidikan	384
7.2.3	Saranan kepada Ibu Bapa	385
7.2.4	Saranan Untuk Kajian Lanjutan	385

	BIBLIOGRAFI	388
--	--------------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A : Senarai pembentangan kertas kerja hasil kajian, penerbitan dan kehadiran ke seminar/bengkel/kursus yang berkaitan.

Lampiran B : Jadual bilangan dan matan hadis marfū' dalam kitab *Miftāḥ Dār al-Sa'ādah*

Lampiran C: Bilangan dan matan hadis mawquf' dalam kitab *Miftāḥ Dār al-Sa'ādah*

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 4.1	Edisi-Edisi kitab <i>Miftāḥ Dār al-Sa ‘ādah</i>	163
Jadual 4.2	Konsep Metafizik Dalam Perbahasan Kitab <i>Miftāḥ Dār al-Sa ‘ādah</i>	193
Jadual 4.3	Konsep Epistemologi Dalam PerbahasanKitab <i>Miftāḥ Dār al-Sa ‘ādah</i>	196
Jadual 6.1	Contoh Kandungan Kisah dan Cerita Serta Aspek Tujuan Penceritaan Dalam Kitab <i>Miftāḥ Dār al-Sa ‘ādah</i>	311

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang diguna pakai dalam tesis ini ialah berdasarkan rujukan *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi*, Edisi Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2008.

I. HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ء	'	سواء	sawā'
ب	b	باب	bāb
ت	t	تجدید	tajdīd
ث	th	تراث	turāth
ج	j	جامع	jāmi'
ح	ḥ	حنيف	ḥanīf
خ	kh	اخوان	ikhwān
د	d	دار	dār
ذ	dh	ماذا	mādhā
ر	r	رسالة	risālah
ز	z	تنزيل	tanzīl
س	s	السالكين	al-sālikīn
ش	sh	شرح	sharḥ
ص	ṣ	خصائص	khaṣā'iṣ
ض	ḍ	ضلال	ḍalāl
ط	ṭ	الْفِطْرَةَ	al-fiṭrah
ظ	ẓ	ظلال	ẓilāl
ع	'	عبد	'Abd
غ	gh	غريب	gharīb
ف	f	فكر	fikr
ق	q	قاموس	qāmūs
ك	k	كافي	kāfī
ل	l	لسان	lisān
م	m	مدارج	madārij
ن	n	نستعين	nasta'īn
و	w	واحدة	wāḥidah
ه	h (ketika dimatikan bunyinya) t (ketika dihidupkan)	وحدة	waḥdah

	bunyinya)		
ي	y	يزيد	Yazīd

II. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
اَ	a	سأل	sa'ala
اُ	u	نعبد	na'budu
اِ	i	خسر	khasira

III. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
اِيْ	ā	طه	Ṭāhā
وِ	ū	علوم	'ulūm
يِ	ī	كريم	karīm

IV. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
او	aw	قول	qawl
اي	ay	بين	bayna
يِ	iyy/ī	عربي	'Arabiyy atau 'Arabī
وِ	uww/ū	غلو	Ghuluww atau ghulū

Pengecualian:

Pengecualian daripada menggunakan panduan transliterasi adalah bagi kes-kes berikut:

- i. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan “ة” (Tā' Marbūṭah) dieja mengikut sebutan “ه”.
- ii. Tanwin tidak dieja dengan mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan, contohnya: *shir'ah* (شريعة).
- iii. Alif Lam ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Syamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. Keseluruhan ejaan adalah berdasarkan huruf bukannya bunyi, contohnya, al-Shahraṣṭānī bukan ash-Shahraṣṭānī.
- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan

Bahasa Malaysia seperti al-Quran, hadis, Rasulullah, Muhammad, nama-nama nabi dan sebagainya. Semua perkataan Arab atau Inggeris (bahasa asing) di*italickan* kecuali nama khas.

Ejaan:

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah mengikut Ismail Dahaman (2006), *Bahasa Kita*. Edisi Kedua, Kuala Lumpur: DBP dan juga _____ (2000), *Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu*. Cet. Ke-2, Kuala Lumpur: DBP.

SENARAI KEPENDEKAN

&	dan
A.S.	<i>'alay-hi 's-salām</i>
A.S.W.	<i>'alay-himu 'ṣ-ṣalātu wa 's-salām</i>
r.a.	<i>raḍīya 'Llāhu 'an-hu</i>
r.h.	<i>raḥimahu 'Llāh /raḥimahā 'Llāh</i>
S.A.W.	<i>ṣalla 'Llāhu 'alay-hi wa sallam</i>
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AFKĀR	Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, JAPI, APIUM
AIUM	Akademi Islam, Universiti Malaya
AJISS	<i>The American Journal of Islamic Social Science</i>
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
ASWJ	<i>Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah</i>
Cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
dlm	dalam
Ed./Eds.	Editor/Editor-editor
edn.	<i>edition</i>
H	Hijrah
h.	halaman
hh.	halaman ke halaman
IAIN	Institut Agama Islam Negeri
IAIS	<i>International Institute of Advanced Islamic Studies, Malaysia</i>
<i>Ibid.</i>	Dalam rujukan yang sama
IIIT	<i>International Institute of Islamic Thought</i>
IIUM	<i>International Islamic University of Malaysia</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
INSISTS	<i>Institute for the Study of Islamic Thought and Civilizations</i>
ISDEV	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
ISTAC	<i>International Institute of Islamic Thought and Civilization</i>
JAPI	Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Jil.	Jilid
Juz.	Juzuk
KIRKHS	<i>Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences</i>
l.	lahir
M	Masihi
m.	meninggal dunia
M.A	<i>Master of Arts</i>
Ph.D	<i>Doctor of Philosophy</i>
PPIK	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Pylg	Penyelenggara
S.W.T.	<i>Subḥāna-hu wa Ta 'ālā</i>
SM	Sebelum Masihi
STAIN	Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri
T.p.	Tanpa penerbit
T.t.	Tanpa tahun

T.t.p.	Tanpa tempat penerbit
Terj.	Terjemahan
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UIAM	Universiti Islam Antara bangsa Malaysia
UK	<i>United Kingdom</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPENA	Pusat Penerbitan Universiti
UPM	Universiti Putra Malaysia
USA	<i>United States of America</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
WASET	<i>World Academy of Science, Engineering and Technology</i>

**PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH :
ANALISIS TERHADAP KITAB *MIFTĀH DĀR AL-SA'ĀDAH***

ABSTRAK

Penemuan-penemuan dalam bidang falsafah adalah tidak terpisah dari bidang pendidikan. Secara lebih spesifik, penemuan-penemuan dalam bidang falsafah menjadi rujukan kepada pembentukan tujuan-tujuan pendidikan, pembentukan kurikulum, metodologi pengajaran pembelajaran, kaedah penilaian pengajaran dan pembelajaran dan semua unsur-unsur yang membentuk proses pendidikan. Falsafah pendidikan yang merujuk kepada komponen perbahasan metafizik, epistemologi dan aksiologi ini tidak boleh dipinjam atau ditiru dari orang lain. Ia mestilah dibina dari lingkungan wujud, agama, kebudayaan, kesatuan dan kepelbagaian, kelemahan dan kekuatan masyarakat kita sendiri. Untuk itu kajian ini berusaha meneroka dan menyelidik pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah (691H/1292M-751H/1350 M) dalam bidang pendidikan berdasarkan kitab *Miftāh Dār al-Sa'ādah Wa Mansyūr Walāyah al-'Ilmi wa al-Irādah*. Kajian ini adalah bercorak kualitatif yang menggunakan dua metode utama iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Dalam metode pengumpulan data, kajian ini menggunakan sepenuhnya kaedah dokumentasi merangkumi sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang utama ialah kitab *Miftāh Dār al-Sa'ādah* itu sendiri dan lain-lain karya Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang berkaitan. Manakala sumber sekunder pula ialah kajian-kajian terhadap pemikiran pendidikan, pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam berbagai bidang dan kajian-kajian lain yang berkaitan. Dalam usaha untuk menganalisis data, pengkaji menggunakan lima metode metode analisis yang bersifat kualitatif iaitu metode induktif, metode deduktif, metode komparatif. metode sosio pensejarahan (socio-historical) dan metode analisis kandungan (content

analysis). Penemuan dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa hampir semua aspek dalam perbincangan metafizik, epistemologi dan aksiologi yang menjurus kepada pemikiran pendidikan Islam yang bersifat teoritis telah dibahaskan dalam kitab *Miftāh Dār al-Sa‘ādah*. Hasil dari penemuan tersebut pengkaji telah berjaya merumuskan pemikiran pendidikan Islam Ibn Qayyim al-Jawziyyah merangkumi definisi pendidikan, tujuan-tujuan pendidikan, kurikulum dan metodologi pengajaran dan pembelajaran. Rumusan-rumusan tersebut menggambarkan dengan jelas tentang ketokohan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam pemikiran pendidikan Islam. Serta keunggulan kitab *Miftāh Dār al-Sa‘ādah* sebagai karya yang sarat dengan teori-teori pemikiran pendidikan Islam yang bercorak kekal dan spiritual yang boleh dijadikan landasan berpijak dalam memperkasakan Falsafah Pendidikan Negara.

**ISLAMIC EDUCATIONAL THOUGHT OF IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH :
AN ANALYSIS OF *MIFTĀḤ DĀR AL-SA‘ĀDAH***

ABSTRACT

Findings in the area of philosophy cannot be separated from the educational field. Specifically, findings in philosophy are the basis for the establishment of the educational aims and objective, curriculum design, methodology in teaching and learning, methods of teaching evaluation and learning and all the elements that develop the education process. Education philosophy which refers to the component of metaphysics, epistemology and axiology cannot be borrowed or based on other disciplines. It must be designed from the existing, religions, cultures, associations and variations, weaknesses and strengths of our society. Therefore, this study aims to explore and identify Ibn Qayyim Al-Jawziyyah's thought (691H/1292M-751H/ 1350M) in the field of education based on the book *MiftāḤ Dār al-Sa‘ādah Wa Mansyūr Walāyah al-‘Ilmi wa al-Irādah*. This study is qualitative in nature and utilizes the documentation method which consists of primary sources and secondary sources. The main primary source is *MiftāḤ Dār al-Sa‘ādah* and other related writings of Ibn Qayyim al-Jawziyyah. The secondary source is studies on education thought, Ibn Qayyim al-Jawziyyah's thought in various fields and other related studies. In analyzing the data, the researcher used five qualitative methods of analysis which are inductive, deductive, comparative, socio-historical and content analysis method. The study found that almost all of the aspects in metaphysics discussion, epistemology and axiology towards Islamic education thought which are theoretical in nature have been discussed in *MiftāḤ Dār al-*

Sa'ādah. Based on the findings, the researcher can conclude that Islamic education thought of Ibn Qayyim al-Jawziyyah comprises of definition of education, purpose of education, curriculum and teaching and learning methodology. The results of the study clearly shows the leadership skills of Ibn Qayyim al-Jawziyyah in Islamic education thought. Apart from that, the prominence of *Miftāḥ Dār al-Sa'ādah* as a literature that is rich with Islamic education theories which are eternal and spiritual can be used to empower the National Education Philosophy.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menyelidik pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam bidang pendidikan berdasarkan kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah*. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (691H/1292M-751H/1350 M) merupakan salah seorang tokoh pemikir Islam yang terkenal dalam bidang perundangan Islam, ulama tafsir, tokoh falsafah, tokoh psikologi, tokoh hadis dan pakar dalam ilmu akidah. Ketokohan beliau dalam bidang yang disebutkan di atas telah banyak dibincang, dianalisis dan dibukukan di seluruh dunia oleh tokoh-tokoh ilmuan Islam dan Barat.¹

Namun demikian ketokohan beliau dalam bidang pemikiran pendidikan khususnya yang bercorak teoritis dan berasaskan fondasi atau binaan falsafah tidak banyak dikaji, dianalisis dan dibahaskan secara mendalam sedangkan pada hakikatnya beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang amat bernilai dalam bidang pemikiran pendidikan sejajar dengan tokoh-tokoh seperti Ibn Sina (980-1037),² Ibn Khaldun (1332-1406M),³

¹ Kajian-kajian tentang pemikiran beliau dapat ditelusuri dalam bahagian sorotan karya dalam bab ini.

² Nama penuh beliau ialah Abū ‘Alī al-Ḥusayn Ibn Abdullāh Ibn Sīnā (980M-1037M), dikenali di Eropah sebagai *Avicenna* dilahirkan di Bukhara, terkenal sebagai tokoh atau bapa perubatan moden. Beliau menguasai banyak cabang ilmu pada masanya. Ibn Sina telah mewariskan kepada dunia hasil karya yang amat cemerlang antaranya; *al-Qānūn*, *al-Shifā’*, *al-Najāh*, *Tis Rasā’il*, *Rasā’il Ibn Sīmā* dan lain-lain. Bukunya *al-Qānūn* atau *Canon of Medicine* pernah diterjemahkan ke bahasa Latin dan telah menjadi buku standard untuk universiti- universiti di Eropah hingga akhir abad ke 17. Lihat H.A. Mustafa (1997), *Filsafat Islam*. Bandung: Pustaka Setia, h. 190; Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2003), *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*, Kuala Lumpur: DBP, h. 49; John L. Esposito (1998), *Islam: The Straight Path*, United Kingdom: Oxford University Press, 3rd, h. 69.

³ Seorang sejarawan, negarawan, pengasas kepada ilmu sosiologi moden dan ahli falsafah Arab yang unggul, bahkan beliau diiktiraf sebagai “*the greatest historians of the middle ages*”. Karya agungnya Muqaddimah yang merupakan pengantar bagi sejarah dunianya, *Kitāb al-‘Ibār wa Diwān al-Mubtada’ wa*

Ibn Maskawayh(932-1030M),⁴al-Ghazali (1058-1111M)⁵ dan lain-lain.

Pemikiran pendidikan beliau dapat dilihat dengan jelas dalam sebuah dari hasil karya beliau yang dikaji oleh penulis iaitu kitab *Miftāh Dār al-Sa'ādah*. Kandungan kitab ini membahaskan beberapa aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi yang menjadi asas penting dalam falsafah pendidikan. Kitab ini ada menjelaskan tentang aspek metafizik terutamanya tentang konsep ketuhanan, konsep kenabian, konsep manusia, konsep alam dan sebagainya. Kitab ini juga telah membahaskan konsep ilmu atau perbahasan falsafah epistemologi khususnya berkenaan dengan klasifikasi ilmu, sumber

al-Khabar fī Ayyām al-'Arab wa al-'Ajām wa al-Barbar wa man Āthāruhum Min Dhawī al-Ṣulṭān al-Akbar, telah mempengaruhi perubahan pemikiran dan daya keintelektualan yang hebat terhadap masyarakat dunia sehingga A.J. Toynbee seorang ahli sejarah pernah mengungkapkan: “*Muqaddimah is the greatest work of its kind that has ever been created by any mind in any time or place*”. Lihat Muhsin Mahdi (1968), “Ibn Khaldun” dalam David L. Sills (ed.), *International Encyclopedia of the Social Science*. New York: The Mac Millan Company, v. 7, hh. 53-57. Hassan Saab (1967), “Ibn Khaldun” dalam Paul Edward (ed.) *The Encyclopedia of Philosophy*. New York: The MacMillan Company, vol. 4, hh. 107-108; Che Zarrina Sa'ari (2000), “Epistemologi Islam Menurut Ibn Khaldun” dalam *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, APIUM, keluaran 12, hh. 73.

⁴Nama penuh beliau ialah ‘Abū ‘Alī al-Khāsim Aḥmad b. Ya’qūb bin Maskawayh. Terkenal sebagai seorang sejarawan, tabib, ilmuwan, sasterawan dan ahli falsafah khususnya dalam pendidikan etika, bahkan beliau terkenal sebagai “Bapak Etika Islam”. Dilahirkan pada tahun 330 H/932 M dan wafat pada 421 H/1030M, beliau hidup pada masa pemerintahan Bani Abbas yang berada di bawah pengaruh Bani Buwayh. Puncak prestasi kekuasaan Bani Buwayh ialah pada masa Adhūd Al-Dawlah, Adhūd al-Dawlah memberi perhatian yang sangat besar dalam perkembangan ilmu dan kesusteraan, pada masa inilah Ibn Maskawayh telah mendapat kepercayaan beliau untuk menjadi bendaharawan negara pada masa yang sama beliau muncul sebagai filosof, tabib, ilmuwan dan pujangga. Antara karya beliau yang masyhur ialah *Tahzīb al-Akhlāk*, *Tartīb al-Sa'adat*, *Tajārib al-Umām* dan lain-lain. Lihat H.A. Mustafa (1997), *Filsafat Islam*. Bandung: Pustaka Setia, hh. 166-188; Majid Fakhry (1993), *Sejarah Falsafah Islam* (terj.), Kuala Lumpur: DBP, hh. 224-232.

⁵Seorang tokoh ilmuwan Islam yang sangat meluas dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang falsafah, *uṣūl fiqh*, ilmu kalam, tasawwuf, kemasyarakatan, pendidikan, akhlak, politik dan sebagainya. Beliau menjadi subjek kajian intelektual sepanjang zaman. Biografi dan ketokohnya dapat dinilai dari kajian-kajian ilmiah yang dilakukan terhadap pemikiran beliau. Antara kajian pemikiran beliau tentang falsafah dan pendidikan ; Carol Lucille Barger (1978) “The Concept of Causality in Abu Hamid Muhammad al-Ghazali’s Tahāfut al-Falāsifah. Tesis Ph.D, University of Wisconsin, Madison. Ahmad Abdullah al-Rabe (1984), “Muslim Philosopher Classifications of the Sciences: al-Kindi, al-Farabi, al-Ghazali, Ibn Khaldun, Ph.D Thesis, Harvard University, Amerika, Mustafa Mahmud Abu Sway (1993), “The Genetic Development in al-Ghazali’s Epistemology”, Ph.D Thesis, Boston College, United State of America, Noor Shakirah Mat Akhir (2008), *Al-Ghazali and His Theory of the Soul*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia dan lain-lain kajian yang tidak terkecuali banyaknya dalam pelbagai bidang ilmu dan intelektual. Lihat Mohd Fauzi Hamat (2005), *Ketokohan al-Gazali Dalam Bidang Logik*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 14. Lihat juga Basri Husin (2008), “Ilham Sebagai Sumber Epistemologi Islam: Analisis Terhadap Risalah Al-Ladunniyah Karya al-Ghazali”, Tesis Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM.

ilmu, kaedah serta hakikat ilmu dan sebagainya. Perbincangan terhadap aspek metafizik dan epistemologi oleh beliau dalam karya ini sangat menjurus kepada perumusan makna serta tujuan pendidikan, kurikulum dan metodologi pendidikan.

Kajian pemikiran pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang merujuk secara khusus kepada kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* belum pernah dikaji oleh mana-mana penyelidik sebelum ini. Pengkaji berhasrat untuk mengembangkan secara mendalam pemikiran pendidikan Ibn Qayyim yang berasaskan perbincangan aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi yang terkandung dalam kitab ini. Adalah diharapkan kajian ini dapat memperkayakan lagi khazanah pemikiran tokoh-tokoh pendidik yang wajar diikuti dan diteladani idea-ideanya dalam pendidikan seterusnya digunapakai dalam sistem pendidikan negara.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Polisi dan tindak tanduk manusia tentang pendidikan secara sedar atau tidak, didasari oleh falsafah, ideologi dan kefahaman tentang ilmu dan konsep manusia itu sendiri. Polisi dan tindakan yang lahir dari falsafah yang dikendalikan dengan baik, walaupun salah, boleh dan berupaya melahirkan kecemerlangan, seperti yang terpancar dalam falsafah Humanisme Barat atau Materialism Timur. Akan tetapi polisi dan tindak tanduk yang tidak mempunyai falsafah yang jelas dan mendalam, walaupun mempunyai dasar-dasar yang benar, tidak menimbulkan ketegasan dan keselarasan yang dapat melahirkan kecemerlangan.⁶

⁶ Wan Mohd Nor Wan Daud (1993), “Kata Pengantar” dalam Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus (1993), *Epistemologi Islam*, Kuala Lumpur: DBP, h.xii.

Kecemerlangan tamadun Barat hari ini pada asasnya adalah kerana kekukuhan dan ketegasan dalam falsafah pendidikan mereka. Penelitian terhadap bibliografi pendidikan Barat, misalnya menunjukkan betapa banyaknya karya yang menganalisis implikasi pendidikan yang muncul daripada karya-karya ahli falsafah mereka yang terkenal, mulai dari zaman hellenistik hingga sekarang. Selain William James (1842-1910M)⁷ dan John Dewey (1842-1910M),⁸ yang falsafah pendidikannya telah banyak dikaji, pemikiran pendidikan para ahli falsafah dan pemikir, seperti Friedrich Hegel(1770-1831)⁹, Karl Mark(1818-1883)¹⁰, Nietzsche(1844-1900)¹¹, Sigmund Freud(1856-

⁷ William James (1842-1909), memperolehi doktor perubatan dari Harvard Medical School pada tahun 1869. Beliau juga dianugerahkan Ph.D dan Litt.D.oleh University of Padua, Itali pada tahun 1893. Terkenal sebagai tokoh yang mempopularkan pemikiran aliran pragmatism. Antara karya beliau yang masyhur ialah *The Principles of Psychology*(1890), *The Varieties of Religious Experience*. *Pragmatism: a New Name for Some Old Ways Of Thinking* (1907). Untuk melihat kronologi hidup James , lihat William James Web site oleh Frank Pajares, Division of Educational Studies, Emory University, Atlanta, Georgia, USA, <http://www.des.emory.edu/mfp/jphotos.html>, lihat Wan Adli Wan Ramli (2006), “Pemikiran Islam dan Barat Moden: Analisis Terhadap Pragmatism”, Tesis Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, h. 128.

⁸John Dewey (1859-1952) tokoh falsafah pendidikan Barat yang masyhur.Telah melahirkan banyak teori-teori penting dalam pendidikan yang banyak diguna pakai dalam sistem pendidikan dunia termasuk di Negara-negara umat Islam. Beliau berjaya mengasaskan dasar dan falsafah pendidikannya sendiri melalui penubuhan sebuah sekolah yang dipanggil dengan nama “*Dewey School*”. Telah menghasilkan karya-karya intelektual yang mempengaruhi dunia antaranya; *Psychology* (1887), *Applied psychology: An Introduction to the Principles and Practice of Education* (1889), *The realism of Pragmatism* (1905), *Experimental Theory of Knowledge* (1906), *Ethic* (1908), *How We Think* (1910) dan lain-lain yang menjadi rujukan para pengkaji dan pendidik di seluruh dunia. Lihat, Abd, Munir b. Mohamed Noh (2010), “Falsafah Pendidikan Menurut Ibn Khaldun dan John Dewey: Kajian Perbandingan”, Tesis Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, hh. 46-50. Lihat juga Wirth, Arthur G. (1966), *John Dewey as educator: his design for work in education*, New York: John Wiley; Bharathy D. Vijaya (2000), *Educational Philosophies of Swami Vivekananda and John Dewey*. New Delhi: A.P.H. Publishing.

⁹ George Wilhelm Friedrich Hegel, Ahli falsafah Jerman, lahir di Stuttgart pada tahun 1770. Perkembangan intelektual Hegel dimulai dengan telaah terhadap perkembangan spiritual manusia yang berhubung dengan jiwa, tahap selanjutnya ketika ia mendalami dialektika yang berkaitan dengan logika, dan tahap terakhir saat ia menekuni konsep tentang negara sebagai puncaknya. Falsafah masa kini merupakan aneka bentuk reaksi langsung atau tidak langsung terhadap pemikiran beliau.Hegel ingin menerangkan bahawa alam semesta dan gerak-gerinya berdasarkan suatu prinsip. Menurut Hegel semua yang ada dan semua kejadian merupakan pelaksanaan-yang-sedang-berjalan dari Yang Mutlak dan bersifat rohani.Pemikiran Hegel langsung ditentang oleh aliran pemikiran materialisme yang mengajarkan bahwa yang sedang-menjadi itu, yang sering sedang-menjadi-lebih-sempurna bukanlah idea “Yang Mutlak”, namun adalah materi belaka.Maksudnya, yang sesungguhnya ada adalah materi (alam benda); materi adalah titik pangkal segala sesuatu dan segala sesuatu yang mengatasi alam benda harus dikesampingkan.Maka seluruh realitas hanya dapat dibuat jelas dalam alur pemikiran ini. Itulah fahaman yang dicetuskan oleh Ludwig Andreas Feuerbach (1804-1872). Lihat Nor Pud Binarto (2008), “Periode Pemikiran Filsafat Modern” dalam http://www.berpolitik.com/static/myposting/2008/07/myposting_14388.html. Akses pada 7 Januari

1939)¹², Alfred North Whitehead (1861-1947)¹³ dan Jean Jacques Maritain (1882-1973)¹⁴; juga telah banyak dikaji meskipun mereka bukanlah “ahli pendidikan”¹⁵.

2011; Ahmad (2003), “Pemikiran Politik George Wilhelm Friedrich Hegel Tentang Negara”. Tesis Master, Fakultas Ilmu Sosial dan Sains Politik, Universitas Indonesia, lihat <http://eprints.ui.ac.id/27706/1/73667-T%2012043-Pemikiran%20politik.pdf> akses pada 7/1/2011, Hegel, George Wilhelm Friedrich dalam *Encyclopedia of Philosophy*. USA: Thomson Gale, 2nd Edition, hh. 258-265.

¹⁰Karl Heinrich Marx (Trier, Jerman, 5 Mei 1818 – London, 14 Mac 1883) adalah seorang filsuf, pakar ekonomi politik dan teori kemasyarakatan dari Prusia. Walaupun Marx menulis tentang banyak hal semasa hidupnya, ia paling terkenal atas analisisnya terhadap sejarah, terutama mengenai pertentangan kelas, yang dapat diringkas sebagai “Sejarah dari berbagai masyarakat hingga saat ini pada dasarnya adalah sejarah tentang pertentangan kelas”, sebagaimana yang tertulis dalam kalimat pembuka dari Manifesto Komunis. Marxisme nama yang diistilahkan mengikut nama beliau mengajarkan bahwa kenyataan hanya terdiri atas materi belaka. Marx adalah pengikut setia Feuerbach yang berpandangan bahawa Tuhan hanyalah khayalan manusia tentang dirinya sendiri. Menurut Feuerbach, yang ada bukan Tuhan yang maha adil, namun yang ada hanyalah manusia yang ingin menjadi adil. Dari sini dapat difahami mengapa Marx berkata, bahwa “agama adalah candu bagi rakyat”, karena agama hanya membawa manusia masuk dalam “*surga fantasi*”, suatu pelarian dari kenyataan hidup yang umumnya pahit.. Lihat Lawrence H. Simon (2005), dalam *Encyclopedia of Philosophy*, USA: Thomson Gale, 2nd edition h.730-735. Harun Yahya (2003), *Malapetaka Darwinism Kepada Kemanusiaan*. (terj) Rohidzir Rais, Kuala Lumpur: Saba Islamic Media, h.120.;Lihat Haryo Prabancono (2009) *Pemikiran Karl Mark* dalam <http://macheda.blog.uns.ac.id/2009/12/15/pemikiran-karl-marx/> akses pada 7/1/2011.

¹¹Nietzsche, Friedrich dilahirkan pada 1844 di Prussia. Pada awal 1960 an pemikiran beliau menjadi popular dan buku-buku beliau dibaca dan dikenali oleh para ahli falsafah di Barat. Beliau digandingkan dengan dua lagi tokoh falsafah barat yang sealiran iaitu Marx dan Freud. Beliau adalah tokoh aliran falsafah nihilism yang paling berpengaruh, beliauah yang mengeluarkan ungkapan yang paling popular dalam aliran nihilism iaitu “Tuhan Sudah Mati” (Bahasa Jerman; “Gott ist tot”). Ungkapan ini pertama kali muncul dalam *Die Frohliche Wissenscgaft, The Madman dan The Meaning of Our Cheerfulness* juga dalam buku klasik beliau ‘*Also Sprach Zarathustra*’. Dalam fahaman nihilism, iaitu fahaman yang menolak semua prinsip agama, keberadaan manusia di dunia ini tidak memiliki suatu tujuan, tidak ada bukti keberadaan pencipta, moral sejati tidak diketahui dan etika adalah tidak mungkin. Dalam kata lain nihilism adalah fahaman atheis dan materialis. Menurut Nietzsche, semua tindakan manusia hakikatnya didorong oleh kehendak untuk berkuasa (*Will to Power*) bukan kerana faktor ketuhanan; Lihat Cepi Riyana (2007), *Filsafat Nihilisme* dalam <http://file.upi.edu>. Akses pada 12 Januari 2011. Keterangan lanjut tentang Nietzsche dan Nihilisme lihat Alan D. Schrift (2005), “Nietzsche, Friedrich”, dalam *Encyclopedia of Philosophy*, USA: Thomson Gale, 2nd edition, hh. 607-617.

¹²Beliau merupakan seorang psikologis berbangsa Yahudi dan amat terkenal dengan teori psikoanalisis yang diasaskan olehnya. Dalam Psikoanalisis Freud, penggerak dalam sistem psikologi manusia ialah apa yang dinamakan sebagai konsep kesedaran (*consciousness*), ketidak sedaran (*unconsciousness*) dan *libido*. Menurut Freud, *libido* merupakan salah satu faktor penggerak jiwa manusia yang utama, segala bentuk perilaku sama ada baik atau buruk ialah hasil manifestasi daripada rangsangan libido seksual untuk menghindari ketegangan jiwa. Setelah kemahuan libido ini dipenuhi, berkemungkinan perbuatan yang baik atau buruk itu boleh berhenti kerana telah berasa puas. Berdasarkan libido ini juga timbullah idea tentang ketuhanan dan upacara keagamaan setelah melalui proses *Oedipoes Complex* dan *Father Image*, agama dan ketuhanan menurut Frued adalah muncul dari khayalan manusia. Antara karya-karya beliau yang utama ialah *The Interpretation of Dreams*(1900), *The Psychopathology of Every Day Life* (1901) *The Claims of Psycho-Analysis to Scientific Interest* (1913), *A Short Account of Psychoanalysis* (1924) dan lain-lain Lihat Kazdin, Alan E (2000), *Encyclopedia of psychology*, j.3, USA: New York, h. 400, lihat juga Abdul Mujib *et al* (2002), *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*, Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, cet 2, hh. 246-247. Adolf Grunbaum (2005), *Encyclopedia of Philosophy*, v. 3, USA: Thomson Gale, 2nd edition, hh. 736-748; Jalaluddin Rahmat (2004), *Psikologi Agama*. Jakarta: PT RajaGrafindo, h. 55.

Manakala dalam bibliografi pendidikan umat Islam hari ini, amat sedikit kajian-kajian falsafah pendidikan dilakukan oleh pemikir-pemikir muslim semasa. Wan Mohd Daud dalam bukunya *Amalan dan falsafah Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas* menjelaskan bahawa sedikit sekali pemikir muslim yang benar-benar serius menulis karya falsafah yang dapat dijadikan rujukan idea pendidikan. Kebanyakan pemikir muslim semasa tidak melengkapkan diri mereka dengan idea falsafah yang dapat dijadikan sandaran dalam falsafah pendidikan. Akibatnya, pelbagai perbincangan tentang pendidikan Islam dan usaha yang serius dalam mendirikan institusi pendidikan Islam, pada akhirnya akan dikandaskan oleh teori pendidikan yang lemah, pemahaman yang simplistik, dan penerapan sistem pendidikan yang tidak seimbang.¹⁶

Senada dengan apa yang dijelaskan di atas, Rosnani Hashim dalam artikelnya *Falsafah Penyelidikan Pendidikan dari Perspektif Islam: Konsep dan matlamatnya* juga menyatakan kebimbangan terhadap kurangnya penyelidikan pendidikan yang bercorak kualitatif yang menggunakan metodologi dan pendekatan bercorak falsafah. Hasil penyelidikan beliau, didapati bahawa kebanyakan penyelidikan ke atas pendidikan Islam yang dilakukan oleh siswazah di institusi pengajian tinggi di Malaysia umpamanya

¹³ Alfred North Whitehead (1861- 1947) adalah seorang ahli matematik Inggeris yang kemudiannya menjadi seorang tokoh falsafah. Beliau dianggap sebagai tokoh yang luarbiasa dalam generasinya yang telah menghasilkan pemikiran yang komprehensif dalam sistem metafisik yang mengambil kira terhadap kosmologi secara saintifik. Beliau adalah pakar matematik dan tulisan beliau merangkumi algebra, logik, asas-asas matematik, falsafah sains, fizik, metafizik dan pendidikan. Bertrand Russel adalah muridnya yang paling terkenal dan kedua-duanya telah berkolaborasi untuk menghasilkan sebuah karya matematik yang agung iaitu *Principia Mathematica*. Lihat Dorothy M. Emmet (1967), "Whitehead, Alfred North", dlm *Encyclopedia of Philosophy*, vol. 9, USA: Thomson Gale, 2nd edition, hh. 746-754.

¹⁴ Jean Jacques Maritain adalah seorang tokoh falsafah Perancis yang sangat berwibawa dan tersohor pada abad ke 20. Beliau telah menghasilkan 60 buah buku tentang falsafah dan artikel-artikel yang tidak terkira banyaknya yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal falsafah yang terkemuka. Beliau terkenal sebagai tokoh pentafsir kepada pemikiran Thomas Aquinas disamping beliau sendiri adalah seorang tokoh pemikir yang kreatif. Lihat Joseph W. Evans (1967), "Maritain Jacques" dlm *Encyclopedia of Philosophy*, vol. 5, USA: Thomson Gale, 2nd edition, hh. 712-718.

¹⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam S.M Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 22

¹⁶ *Ibid.*, h. 18.

lebih menekankan penyelidikan yang bercorak kuantitatif semata-mata yang menumpukan kepada kaedah tinjauan dan korelasi. Menurut beliau lagi, amat jarang didapati kajian yang cuba untuk mencungkil konsep-konsep dan teori pendidikan Islam yang terdapat dalam al-Quran mahupun hadis dan juga warisan ilmu Islam.¹⁷

Kekurangan pemikiran pendidikan Islam yang berwibawa dan teoritis ini juga sudah tentu akan mengakibatkan konsep ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam akan difahami dan dilaksanakan secara sempit dan menyeleweng yang akhirnya akan melahirkan rentetan kesilapan besar dalam dunia pendidikan di negara-negara umat Islam.¹⁸ Rentetan dari kesilapan dalam dunia pendidikan inilah sebenarnya menjadi punca kepada kemunduran umat Islam di seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, Ismail Raji al-Faruqi(1921-1986)¹⁹ dalam *Islamization of Knowledge: General Principal and Work Plan* dengan tegas menyatakan bahawa punca utama kemunduran umat Islam atau

¹⁷Rosnani Hashim “Falsafah Penyelidikan Pendidikan dari Perspektif Islam: Konsep dan Matlamat” dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat kebangsaan (siri 2)*, Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia pada 23 Januari 2003. Artikel ini juga boleh di akses di alamat berikut: http://i-epistemology.net/attachments/1135_jp-v11n1-%20Falsafah%20Penyelidikan%20Pendidikan%20dari%20Perspektif%20Islam%20-%20Konsep%20dan%20Matlamat%20-%20Rosnani%20Hashim.pdf akses pada 11 mei 2011

¹⁸Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam S.M Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, h. 18.

¹⁹ Ismail Raji al-Faruqi, tokoh pemikir dan intelektual muslim yang masyhur pada abad ke 20, lahir di Jaffa Palestin pada 1 Januari 1921. Mendapat pendidikan dalam dua dunia Timur dan Barat.Mendalami falsafah Barat dan pakar dalam pengajian perbandingan agama khususnya agama kristian sehingga telah berjaya menghasilkan penulisan yang besar dalam bidang ini iaitu *Christian Ethic*.Sebagai pemikir muslim beliau amat mengambil berat tentang permasalahan umat Islam khususnya dalam isu keterbelakangan umat Islam dalam pelbagai bidang. Beliau merumuskan bahawa kemunduran umat Islam adalah disebabkan oleh kecelaruan dan dualisme dalam pendidikan.Menurut al-Faruqi, untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam, sistem pendidikan Islam mesti kembali dan berpaksi kepada ruh tauhid. Beliau telah menghasilkan sebuah karya yang hebat tentang tauhid yang bersifat semasa iaitu *Al-Tawhid : Its Implications for Thought and Life*(1982). Keterangan lanjut tentang al-Faruqi lihat Yunus, Ilyas Ba (1988), “Al-Faruqi and Beyond: Future Direction in Islamization of Knowledge” dlm *The American Journal of Islamic Social Science (AJISS)*, vol. 5, no. 1, h. 13; *The Encyclopedia of Islam*, E.J. Brill, Leiden, 1983, jil. 2, h. 813; Abdul Halim Ramli (2002),*Pemikir Islam Prof Ismail Ragi al-Faruqi*.Segamat: Gubah Publisher;Qurayshi, M. Tariq (1987),*Ismail al-Faruqi: An Enduring Legacy*, Plainfield, Indiana: The Muslim Students Association, h. 9. Shafiq, Muhammad (1994),*Growth of Islamic Thought in North America: Focus on Isma'il Raji al-Faruqi*. Maryland: Amana Publications; Imtiyaz Yusuf (ed.) (2012), *Islam and Knowledge : Al-Faruqi Concept of Religion in Islamic Thought*. London: I.B. Tauris.

diistilahkan oleh beliau dengan “*malaise*” adalah kerana sistem pendidikan yang lemah dan tidak mempunyai asas intelektual dan metodologi falsafah pendidikan yang kukuh;

*“There can be no doubt that the intellectual and methodological decline of the ummah is the core of its ‘malaise’. The educational system is the breeding ground of the disease. Schools and colleges generate and perpetuate that self estrangement from Islam, from its legacy, and from its style. The educational sistem is the labarotary where Muslim Youth are kneaded and cut, where their consciousness is molded into a caricature of the West. Here, the Muslim’s link with his past is severed: his natural curiosity to learn the legacy of his fathers is stymied”.*²⁰

Maksudnya: Tidak diragukan lagi bahawa punca dan tunjang “malaise” umat ialah sistem pendidikan. Inilah tempat pembiakannya. Sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi terus menjalan dan mengekalkan pemisahan di antara pelajar dengan Islam serta warisan ilmu dan caranya. Sistem pendidikan ini merupakan makmal tempat belia Islam dicorakkan iaitu apabila kesedaran yang ada disebatikan dengan kurikulum Barat. Di sinilah perhubungan seseorang Muslim dengan masa silamnya semakin renggang dan keinginan semulajadi mereka untuk mempelajari warisan ilmu generasi nenek moyang mereka bagaikan tersekat.

Al-Faruqi seterusnya menegaskan bahawa tugas utama yang mesti ditanggung oleh umat pada abad ke-15 Hijrah ialah menyelesaikan masalah pendidikan. Menurut al-Faruqi, kebangkitan umat Islam tidak akan berjaya tanpa memperbaiki cacat cela pendidikan. Apa yang diperlukan ialah dengan menyatu dan melengkapkan sistem pendidikan Islam dan sistem sekular. Dengan penyatuan ini kemudiannya akan wujud satu sistem baru pendidikan yang ditanamkan dengan roh Islam atau Islamisasi ilmu. Sistem ini akan berfungsi sebagai sebahagian daripada program ideologi yang utuh.²¹

Al-Faruqi dalam *Islamization of Knowledge* seterusnya mengariskan beberapa objektif perancangan kerja yang perlu dilakukan oleh para intelektual muslim dalam memperbaiki sistem pendidikan di negara-negara umat Islam iaitu:(a)Penguasaan

²⁰ Ismail Raji al-Faruqi (1989), *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*, Herndon, Virginia: The International Institute of Islamic Thought, h. 5

²¹ *Ibid.*, h. 13.

disiplin ilmu moden; (b)Penguasaan warisan ilmu Islam.; Penentuan penyesuaian Islam dengan setiap bidang pengetahuan moden.; Pencarian sintesis kreatif di antara warisan Islam dengan ilmu moden.;Pengarahan aliran pemikiran Islam ke jalan yang mencapai pelaksanaan pola perancangan Allah S.W.T. ²²

Sehubungan dengan apa yang digariskan oleh Al-Faruqi di atas, pengkaji akan menganalisis kandungan kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* karya Ibn Qayyim al-Jawziyyah dengan menghubungkannya dengan tiga komponen utama yang menjadi objek perbincangan dalam falsafah atau pemikiran pendidikan. Tiga komponen tersebut ialah metafizik, epistemologi dan aksiologi.

Ketiga-tiga komponen falsafah tersebut memberi implikasi yang besar kepada pendidikan, metafizik misalnya, memberi panduan kepada matlamat dan tujuan pendidikan. Epistemologi pula memberi fokus kepada kandungan pembelajaran dan proses pembelajaran serta memberi dorongan kepada usaha-usaha penyelidikan bagi mengembangkan ilmu dan menyelesaikan masalah pendidikan. Manakala aksiologi pula; mempersoalkan kerelevanan mata pelajaran dalam kurikulum, memberi panduan kepada usaha-usaha pendidikan sebagai agen sosialisasi dan memberi panduan pada kandungan kurikulum bagi melahirkan manusia yang halus sifat kemanusiaannya dan cinta kepada ketenteraman dan keharmonian alam.²³

Kefahaman yang jelas terhadap ketiga-tiga pokok perbincangan tersebut adalah sangat penting kerana falsafah pendidikan yang utuh mesti dibina di atas tiga persoalan ini. Hal ini dijelaskan di dalam buku *Falsafah Pendidikan Negara* yang merumuskan

²²Ismail Raji al-Faruqi (1991), *Pengislaman Ilmu*, (terj.) Mustafa Kasim, Kuala Lumpur: DBP, h..58.

²³Sufean Hussin (1996), *Pendidikan di Malaysia; Sejarah, Sistem dan Falsafah*.cet 2, Kuala Lumpur: DBP, h. 131.

bahawa pendidikan harus berfungsi untuk menghuraikan segala persoalan diri manusia supaya manusia dapat mengenali dan memahami dirinya. Untuk menggarap hakikat manusia atau insan dengan secukupnya, konsep-konsep asas dalam falsafah pendidikan harus merujuk kepada ontologi (teori hakikat), epistemologi (teori ilmu) dan aksiologi (teori nilai).²⁴

Falsafah pendidikan yang merujuk kepada metafizik, epistemologi dan aksiologi tersebut tidak boleh dipinjam atau ditiru dari orang lain. Ia mestilah dibina dari lingkungan wujud, agama, kebudayaan, kesatuan dan kepelbagaian, kelemahan dan kekuatan masyarakat itu sendiri. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud, sikap meniru kecemerlangan sesuatu bangsa yang maju dalam sesuatu aspek tanpa memahami nilai dan falsafah bangsa yang melahirkan kecemerlangan tersebut tidak akan membawa sebarang hasil yang bermakna. Oleh kerana itulah negara-negara sedang membangun yang meniru negara Barat tidak pernah memperlihatkan sebarang kejayaan.²⁵

Berdasarkan kenyataan di atas, pengkaji berpandangan, meniru falsafah pendidikan orang lain khususnya falsafah pendidikan Barat sebenarnya adalah kesilapan yang besar yang kadang-kadang boleh membawa kepada kepada kufur dan syirik kepada Allah S.W.T. sebagai contoh konsep ontologi Barat terhadap asal kejadian manusia yang dibawa oleh Darwin(1809-1882)²⁶ umpamanya jelas bertentangan dengan al-Quran dan

²⁴ Pusat Perkembangan Kurikulum (1992), *Falsafah Pendidikan Negara*, Kuala Lumpur: DBP, h. 30.

²⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud (1993), *op.cit.*, h. xii.

²⁶ Nama penuh beliau ialah Charles Robert Darwin, seorang ahli biologi British yang terkenal dengan gagasan teori evolusi. Bukunya *On the Origin of Species* (1859) merupakan karyanya yang paling terkenal pada abad ke-19. Buku tersebut mengemukakan dakwaan bahawa hidupan tidak dijadikan tetapi telah terbentuk secara kebetulan, dan manusia mempunyai moyang yang sama dengan haiwan dan telah berubah secara kebetulan sebagai organisma yang paling maju peningkatannya. Dakwaan Darwin ini telah memberikan satu sokongan saintifik songsang kepada semua falsafah ateis, dimulakan dengan falsafah materialis. Kerana sehingga abad ke-19, kebanyakan ahli-ahli sains melihat sains sebagai satu cara untuk mempelajari dan menerokai apa yang telah Tuhan jadikan. Disebabkan kepercayaan ini telah diterima dengan meluasnya, maka para ahli falsafah yang ateis dan materialis tidak dapat menemui satu landasan

al-Sunnah. Begitu juga dengan aliran falsafah pemikiran pendidikan yang dibawa oleh ramai lagi tokoh-tokoh pendidik mereka yang *atheist* dan *materialist* seperti Freud, Nietzsche dan lain-lain. Pemikiran-pemikiran mereka ini telah menjungkir balikkan prinsip-prinsip hakiki manusia dan mengarahkan kehidupan manusia pada jalan buntu. Sehingga pada akhirnya majoriti manusia mengalami keraguan fikiran dan kebingungan bertindak dalam kehidupan.

Oleh kerana itulah rumusan persepsi aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi harus secocok dengan pandangan fundamental Islam. Kerana hakikatnya Allah S.W.T telah menganugerahkan kepada umat Islam satu sistem hidup yang lengkap dari sudut undang-undang, pendidikan, ekonomi, kemasyarakatan dan sebagainya yang dipindahkan kepada kita dari sudut teori dan amali semenjak zaman Rasulullah S.A.W. kepada para sahabat dan tabi'in dan diwarisi seterusnya oleh para ulama yang diakui oleh baginda sebagai para warisnya:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا ، إِنَّمَا وَرَّثُوا الْعِلْمَ ، فَمَنْ
أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطَّةٍ وَافِرٍ²⁷

yang sesuai untuk membangunkan fahaman mereka. Tetapi dengan menafikan kewujudan seorang Pencipta dan membina satu sokongan khayalan untuk kepercayaan ateis dan materialis ini, teori evolusi telah memberikan satu peluang keemasan kepada mereka. Kerana itulah, mereka telah mengiktiraf Darwin dan mengadaptasikan teori tersebut kepada ideologi-ideologi mereka. Beliau telah diangkat menjadi *Fellow of the Royal Society*. Darwin meninggal dunia pada tahun 1882 dan dikebumikan di Westminster Abbey bersama dengan tokoh-tokoh ternama Negara seperti William Herschel dan Isaac Newton sebagai penghormatan kepadanya. Lihat Harun Yahya (2003), *Malapetaka Darwinism Kepada Kemanusiaan*. (terj) Rohidzir Rais, Kuala Lumpur: Saba Islamic Media, h. 9; Lihat T.A. Goudge (2006), "Darwin Charles Robert" dalam *Encyclopedia of Philosophy*, vol. 2, 2nd edition, hh. 628-630.

²⁷ Abū Dawūd Sulaymān Ibn al-Ash'ath as-Sajistānī (1988), *Sunan Abā Dawūd*, Bāb al-Ḥissu 'Alā Ṭalab al-'Ilmi, Dār al-Hadīth: Kaherah, no. hadis, 3641, Juz. 3, h. 316, ; Al-Tirmidhī, Muhammad bin Isā bin Saurah bin Mūsa bin al-Dahāk (1975), *Sunan al-Tirmidhī*, Miṣr: Maktabah wa Maṭba'ah al-Mustafa al-Bābī al-Halabī, Abwāb al-'ilm, no. hadis 2682, juz.5, h. 48. Ibn Mājah, Abū 'Abdullah Muhammad ibn Yazīd al-Qazwīnī (1999), *Sunan Ibn Mājah*, Bāb Faḍl al-'ulamā', Riyād: Dār al-Salām, hadis no. 223, h. 34. al-Tirmidhī mengatakan hadis ini adalah sahih, Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengatakan hadis ini adalah

Maksudnya:

Para ulama adalah waris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar mahupun dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Sesiapa yang mengambil warisan tersebut, maka baginya keuntungan yang melimpah.²⁸

Hasan Langgulung (1934-2008)²⁹ dalam rumusannya terhadap nilai pemikiran pendidikan Islam menyatakan bahawa semua perkara yang dibahaskan dalam pendidikan moden dan mutakhir ada dasarnya dalam pendidikan Islam. Menurut beliau lagi sepatutnya ahli-ahli pendidikan di dunia Islam mengkaji pendidikan Islam, mengkaji pemikiran pendidikan Islam dan bagaimana mereka berfikir daripada mengikuti arus pendidikan yang jauh dari jiwa, ruh dan hati agama kita sendiri yang telah dibuktikan oleh sejarah akan kegagalannya kerana jauh dari ideologi kita umat Islam.³⁰

hasan. Lihat, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *Miftāh Dār al-Sa'ādah*, (tahqiq) 'Alī bin Hasan bin 'Alī b 'Abd al-Hamid al-Halabī al-Atharī, Saudi Arabia: Dār Ibn 'Affān li al-Nashr wa al-Tawzī, juz. 1, h. 254

²⁸Abū Dawūd Sulayman Ibn al-Ash'ath as-Sajistāni (1996), *Sunan Abī Dawūd*. (terj.) Bey Arifin, Kuala Lumpur: Victory Agencie, h. 196.

²⁹Hasan Langgulung berasal dari Sulawesi Selatan Indonesia, tokoh pendidik Muslim yang terkenal di peringkat nasional dan internasional. Mendapat pendidikan dalam dua dunia timur dan Barat. Mendapat Ijazah sarjana Muda (B.A dalam bahasa Arab)(1962) dan Sarjana (M.A dalam bidang Psikologi dan kesihatan mental dari universiti Kaherah (1967), seterusnya Ph.D dalam bidang psikologi dari Georgia Universiti U.S.A pada tahun 1971. Kecemerlangan beliau dalam bidang pendidikan dapat dibuktikan melalui perjalanan kerjayanya dan pengiktirafan yang diberikan kepada beliau oleh berbagai pihak. Beliau pernah menjadi guru besar di sekolah Indonesia di Kaherah (1967-1968) tutor di Universiti Georgia(1969-1970), pembantu penyelidik di university yang sama, penolong professor di Universiti Malaya (1971-1972), Profesor pelawat di Universiti of Riyadh (1971-1978), Profesor pelawat di University of Cambridge, konsultan psikologi di Stanford Research Institute California, senior professor di UKM, senior professor di UIA dan pernah mendapat penghargaan sebagai Royal professor pada tahun 2002 dan beberapa penghargaan lain yang berprestij seperti *Directory of American Psychological Association*, *Who.s Who in Malaysia*, *International Who.s Who of Intellectuals*, *Who.s Who in The World*, *Directory of International Biography*, *Directory of Cross-Cultural Research and Researches*, *Men of Achievement*, *The International Book of Honor*, *Directory of American Educational Research Association* dan lain-lain lagi. Beliau telah menghasilkan puluhan buku dan artikel yang diterbitkan dalam pelbagai jurnal antaranya *Social Aims and Effect of Higher Education* (1973), *Falsafah Pendidikan Islam* (terj.)(1979), *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam* (1980), *Pendidikan dan Peradaban Islam* (1985), *Peralihan Paradigm Dalam Pendidikan Islam dan Sains Sosial* (2002), *Asas-asas Pendidikan Islam*(2003), *Pendidikan Islam Dalam Abad ke- 21*(2003) dan lain-lain. Lihat Syukri Rifai (2006), "Strategi Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Kualitas Sumber Daya Manusia(Studi Atas Pemikiran Hasan Langgulung)", Tesis Sarjana, Fakulti Tarbiyyah dan Keguruan Uin Syarif Hidayatullah Jakarta, hh.16-21; *Who.s Who in The World*, edisi ke-7, 1984-1985, Chicago Illinois: Marquis Incorporated, h. 595.

³⁰ Hasan Langgulung (2003), *Asas-Asas Pendidikan Islam*, Jakarta: Pustaka al-Husna Baru, cet. 5, h. 130.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah tokoh utama dalam kajian ini adalah seorang ulama-sekaligus seorang tokoh pemikir terkenal yang banyak mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan pemikiran umat Islam. Kemasyhuran Ibn Qayyim al-Jawziyyah sebagai seorang tokoh terbilang dalam dunia akademik adalah berdasarkan kepada ciri pemikirannya yang bersifat *mawsū'ah*. Karya-karya ilmiah yang membincangkan pemikiran beliau dapat memberikan input yang besar dalam membantu para ilmuan memahami tanggapan, persepsi, respons dan pentafsiran ijtihad ulama terdahulu terhadap asas-asas pemikiran manusia.

Ketokohan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam bidang hadis, tafsir dan perundangan Islam memang tidak dapat dinafikan lagi. Namun demikian ketokohan beliau dalam bidang pemikiran pendidikan tidak banyak dikaji, dianalisis dan dibahasakan secara mendalam sedangkan pada hakikatnya beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang amat bernilai dalam bidang pemikiran pendidikan.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah dilahirkan pada tahun 691 hijrah di Damsyik. Beliau dibesarkan dalam suasana keilmuan yang sangat kondusif, dilingkungi oleh para intelektual pada zamannya. Bapa beliau sendiri merupakan pengasas dan pendiri madrasah al-Jawziyyah nama yang dinisbahkan kepadanya. Ibn Qayyim al-Jawziyyah disifatkan sebagai ulama besar dan tokoh pemikir pada zamannya. Beliau berguru dengan ulama yang masyhur sebagai tokoh terbilang seperti Ibn Taymiyyah(1263-1328M), bahkan beliau juga melahirkan murid yang hebat dan masyhur seperti Ibn Kathīr (1301-

1373M), Ibn Rajab (1335-1393M), Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1372-1448M), Ibn ‘Īmād al-Hanbali dan lain-lain.³¹

Ketokohan dan keilmuannya di akui oleh para sarjana sezaman terdiri dari rakan dan pelajar-pelajarnya. Ketokohan dan pewarisan ilmu Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang hebat inilah telah mendorong pengkaji untuk menyelidik dan menganalisis pemikiran pendidikan beliau, Ibn Hajar al-‘Asqalānī umpamanya menyifatkan Ibn Qayyim al-Jawziyyah seumpama syurga ilmu yang mengalir, luas ilmunya, mendalami semua pokok perbahasan ilmu ulama khalaf dan salaf, amat mencintai gurunya Ibn Taymiyyah dan menjadi pendokong serta pengembang buku-buku dan ilmu gurunya itu.³²

Ibn Qayyim al-Jawziyyah banyak menuangkan pemikirannya dengan menulis kitab-kitab dalam pelbagai disiplin ilmu, hal ini menggambarkan watak pemikiran beliau yang bersifat *encyclopedic*. Beliau tidak meninggalkan ilmu yang bermanfaat pada zamannya melainkan dibahaskan secara mendalam dan terperinci sehingga dirasakan oleh pembaca bahawa beliau adalah pakar dalam bidang tersebut³³. Hal ini disaksikan oleh rakan-rakan dan tokoh ulama sezamannya seperti yang dinyatakan oleh al-Qādhi Burhānuddin al-Zar’ī yang menyifatkan Ibn Qayyim al-Jawziyyah sebagai seorang ulama yang amat luas ilmunya, telah menulis dan mengarang dalam hampir semua disiplin ilmu agama pada masanya. Ibn Qayyim al-Jawziyyah juga disifatkan sebagai seorang yang sangat mencintai ilmu, menulis, membaca, mentelaah, menyusun dan mengumpul serta mendapatkan hasil dari buku-bukuyang dikarangnya.³⁴

³¹ Abdul Rahman al- Nahlāwī (1991), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Dirāsāt Mawdū’iyyah Taḥlīliyyah Tarbawiyyah*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 11.

³² Ibn Hajar al-‘Asqalānī (t.t), *Al-Dur al-Kāminah fi A’yān al-Mi’ah al-Thāminah*, jil. 3, h. 401.

³³ ‘Abd al-Raḥmān al- Nahlāwī (1991), *op.cit.*, h. 25

³⁴ ‘Abd al-Ḥayyi al-Imād al-Ḥanbalī (t.t), *Shazarāt al-Dhahab fī Akhbār Man dhahab*, h. 168. Lihat juga, ‘Abd al-Raḥmān al- Nahlāwī, h. 25

Karya Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang menjadi fokus utama dalam kajian ini ialah kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah Wa Manshūr Walāyah al-‘Ilmi wa al-‘Irādah (Kunci Rumah Kebahagiaan dan Penyebaran Wilayah Ilmu dan Kehendak)*.³⁵ Kitab ini merupakan antara karya-karya besar Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Terdiri dari dua jilid yang besar dan panjang isi perbincangan serta kandungannya.³⁶ Dalam jilid pertama kitab ini Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengupas tentang konsep ketuhanan, proses kejadian manusia dan unsur kejadiannya yang terdiri dari roh dan jasad, konsep fitrah manusia, hakikat kebahagiaan yang sebenar bagi manusia, konsep kebebasan serta takdir manusia dan lain-lain.

Perbincangan-perbincangan tersebut mengandungi perbincangan berbentuk teoritis terhadap aspek-aspek metafizik. Dalam konsep ketuhanan umpamanya Ibn Qayyim al-Jawziyyah membincangkan tentang bukti-bukti kewujudan Allah S.W.T berdasarkan dalil-dalil akli dan nakli. Menurut beliau bukti kewujudan Allah S.W.T adalah sangat terang dan nyata. Golongan yang menafikan kewujudan Allah S.W.T diumpamakan oleh beliau sebagai golongan yang memiliki hati yang buta dan memandang segala kejadian yang berlaku di alam ini sama seperti pandangan haiwan yang tidak berakal.³⁷

Beliau juga membahaskan tentang sifat-sifat Allah S.W.T. Menurut beliau Allah S.W.T mempunyai sifat-sifat dan nama-nama yang indah. Segala urusan yang berlaku

³⁵Shams al-Dīn Abī Abdullah Muhammad bin Bakar Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t) *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah Wa Manshūr Walāyah al-‘Ilm Wa al-‘Irādah*. Kaherah: Maktabah al-Mutanabbi.; Shams al-Dīn Abī Abdullah Muhammad bin Bakar Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *Miftāḥ Dār Al-Sa‘ādah Wa Manshūr Walāyah al-‘Ilm Wa al-‘Irādah*. ‘Alī bin Hasan bin ‘Alī b ‘Abd al-Hamīd al-Halabī al-Atharī (ed.), Muqaddimah Editor, Saudi Arabia: Dār Ibn ‘Affān li al-Nashr wa al-Tawzī‘. Selepas ini kitab ini akan disebut dengan *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* sahaja. Pengkaji menggunakan kedua-dua edisi kitab ini dalam kajian ini berdasarkan rasional yang dibincangkan oleh pengkaji dalam sub topik, edisi-edisi kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* dalam bab empat kajian ini.

³⁶Dua jilid berdasarkan edisi awal cetakan Maktabah al-Mutanabbi, manakala bagi edisi terbitan Dār Ibn ‘Affān li al-Nashr wa al-Tawzī‘ terdiri daripada tiga jilid.

³⁷*Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah*, (1996), juz. 2, h. 69

kepada manusia dan seluruh alam ini adalah manifestasi daripada sifat-sifat dan nama-nama yang Dia miliki. Selanjutnya beliau menjelaskan bahawa pengaruh dari nama-nama tersebut pasti akan nampak. Sebagai contoh, di alam ini Allah S.W.T mengampuni, mengasihi, mengangkat darjat, memuliakan dan sebagainya. Kesemuanya itu adalah manifestasi dari nama-namanya iaitu, *al-Ghafūr* (Maha Pengampun), *al-Raḥīm* (Maha Penyayang), *al-Ḥalīm* (Maha Penyantun), *al-‘Afuww* (Maha Pemaaf), *al-Khāfidh* (Maha Merendahkan), *al-Rāfi‘* (Maha Pengangkat), *al-Mu‘izz* (Maha Memuliakan), *al-Muzillu* (Maha Merendahkan), *al-Muḥyi* (Maha Menghidupkan), *al-Mumīt* (Maha Mematikan), *al-Wārith* (Maha Mewarisi), *al-Ṣabūr* (Maha Sabar) dan lain-lain.³⁸

Aspek epistemologi dan aksiologi pula dapat dianalisis secara mendalam dalam setiap fasal perbincangan juzuk pertama kitab khususnya dalam perbincangan beliau tentang keutamaan ilmu (*al-asl al-awwal fī al-‘ilm wa faḍliḥi wa sharafihī*) perbincangan pertama tentang kelebihan dan kemuliaan ilmu).³⁹ Dalam perbincangan tersebut Ibn Qayyim menjelaskan secara panjang lebar tentang nilai ilmu dan keutamaannya. Dalam setiap nilai ilmu yang dibentang tersebut Ibn Qayyim al-Jawziyyah merangkumkan bersama perbincangan terhadap definisi ilmu, etika dan akhlak penuntut ilmu, sumber ilmu, klasifikasi ilmu dan kurikulum, hakikat ilmu dan sebagainya yang menyentuh aspek epistemologi dan aksiologi ilmu secara bersepadu.

Secara eksplisitnya Ibn Qayyim al-Jawziyyah sendiri tidak membuat kajian tersendiri tentang pendidikan. Malah pendidikan sebagai suatu mata pelajaran yang tersendiri belum lagi diperkenalkan pada waktu itu.⁴⁰ Namun demikian persoalan-

³⁸ *Ibid.*, juz. 1, hh. 106-107.

³⁹ *Ibid.*, juz. 1, hh. 219-541.

⁴⁰ Pemikiran pendidikan sebagai satu disiplin ilmu yang khusus dan tersendiri belum lagi wujud pada zaman pertengahan Islam atau lebih khususnya pada zaman Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Idea-idea dan perb-

persoalan tentang pemikiran pendidikan beliau dari aspek definisi dan tujuan pendidikan, kurikulum dan metodologi pengajaran serta pembelajaran dapat disimpulkan dari perbincangan beliau tentang aspek-aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi tersebut. Pengkaji memilih kitab ini sebagai objek utama kajian kerana mendapati karya ini secara khususnya menyentuh secara langsung tentang aspek pendidikan dari sudut teoritis yang boleh dijadikan rujukan dalam idea pendidikan.

Isi kandungan kitab ini telah mendapat penghargaan yang tinggi dari beberapa orang intelektual dan ulama terkemuka antaranya ialah kenyataan dari penulis ensiklopedia Islam terkemuka iaitu Hajjī Khalifa (m. 1657)⁴¹. Hajjī Khalifa menyifatkan karya ini sebagai karya berskala besar yang mempunyai faedah dan keistimewaan yang sangat besar kepada perkembangan ilmu dan pemikiran Islam. Menurut Hajjī Khalifa, kitab ini membicarakan tentang hakikat ilmu dan kelebihanannya yang merupakan aspek utama dalam perbincangan epistemologi ilmu Islam. Ia juga merangkumi perbincangan tentang hakikat kewujudan Tuhan yang maha pencipta, hakikat kenabian, wahyu dan sebagainya yang merupakan aspek utama dalam perbincangan aspek metafizik Islam. Hajjī Khalifah menulis:

incangan tentang pendidikan pada waktu tersebut dibincangkan secara umum dan meluas oleh para ulama dalam karya-karya-karya mereka yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti dalam kitab-kitab fikah, akidah, falsafah, tasawuf, akhlak dan sebagainya. Lihat, Artur Sagadeev (2002) “ The Humanistic Ideals of The Islamic Middle Ages” dalam Nur Kirabev dan Yuriy Pochta (ed), *Values in Islamic Culture and The Experience of History Russian Philosophical Studies*. USA: The Council for Research in Values and Philosophy, h. 173.

⁴¹Nama asal beliau ialah Katib Celebi, Mustafa bin Abdullah atau dikenali dengan nama Hajjī Khalifa (1609-1657). Beliau berbangsa Turki dan terkenal sebagai seorang pakar sejarah dan ahli geografi terkemuka malahan dianggap sebagai salah seorang ilmuan yang sangat produktif dalam penghasilan karya-karya ilmiah pada abad ke 17 iaitu semasa pemerintahan empayar Kerajaan Othmaniah Turki. Antara karya beliau yang terkenal ialah ensiklopedia buku yang bertajuk *Kashf al-Zunūn ‘an Asāma al-kutub wa al-funūn*. Karya ini ditulis dalam bahasa Arab, ia mengandungi pengenalan kepada hampir 14.500 buah judul buku yang disusun mengikut abjad huruf Lihat Orhan Saik Gokyay (1997), “Katib Celebi”, dalam *The Encyclopaedia of Islam*, Leiden: E.J. Brill, vol. iv, hh. 760-762.

"قال صاحب كشف الظنون (مفتاح دار السعادة) للشيخ شمس الدين محمد بن بكر المعروف بابن قيم الجوزية الدمشقي المتوفى سنة ٧٥١ هجرية كتاب كبير الحجم. فيه فوائد مرسله يقتبس من مجموعها معرفة العلم وفضله ومعرفة إثبات الصانع ومعرفة قدر الشريعة ومعرفة النبوة ومعرفة الرد على المنجمين ومعرفة الطيرة والفال والزجر ومعرفة اصول نافعة جامعة مما تكمل به النفوس البشرية إلى غير ذلك من الفوائد."⁴²

Berkata Hajjī Khalifah pengarang Kasyf al-Zunun, bahawasanya kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* yang dikarang oleh Sheikh Shamsuddin Muhammad b. Bakar yang dikenali dengan Ibn Qayyim al-Jawziyyah al-Dimashq ini adalah sebuah kitab yang besar yang padanya mengandungi faedah yang besar yang terhimpun di dalamnya hakikat ilmu dan kelebihannya, hakikat ithbat pencipta, hakikat syariat, hakikat kenabian, hakikat penolakan terhadap ilmu astrologi, hakikat tahayyul, khurafat, dan hakikat segala punca ilmu yang dapat memuaskan keperluan amat berguna kepada manusia.

Ungkapan Hajjī Khalifa ini diberi penghargaan dengan diletakkan di muka hadapan kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* edisi pertama yang disalin oleh Ahmad b. Muhammad al-Ṣa’īdi al-Makkī al-Hanbalī pada tahun 841.⁴³

Penilaian Hajjī Khalīfah terhadap *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* jelas membuktikan kewibawaan kitab ini terhadap konsep pendidikan yang lebih luas dan bercorak teoritis. Kandungan kitab yang menetapkan wujudnya pencipta, hakikat kenabian sebagaimana yang dimaksudkan oleh Hajjī Khalifah adalah merujuk kepada konsep metafizik dalam perbincangan ontologi. Manakala fokus kitab ini kepada perbincangan tentang kepentingan ilmu, hakikat syariat, hakikat penolakan terhadap ilmu-ilmu seperti astrologi, tahayyul dan sebagainya adalah inti perbincangan terhadap aksiologi dan epistemologi ilmu itu

⁴²Hajjī Khalifah (1982), *Kashf al-Zunūn an Usama al-Kutub wa al-Funūn*. Kaherah: Dār al-Fikr, jil. 2, h. 1761

⁴³Lihat, *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* (t.t), Juz. 1, halaman tajuk.

sendiri yang merangkumi konsep dan kepentingan ilmu, kandungan ilmu, klasifikasi ilmu, sumber-sumber ilmu dan sebagainya.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- i. Siapakah Ibn Qayyim al-Jawziyyah? apakah sumbangan dan kesan pemikiran beliau kepada perkembangan ilmu dan pemikiran pendidikan Islam?
- ii. Apakah tujuan, sumber rujukan dan metodologi penulisan yang digunakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam penulisan kitab ini. Adakah kitab ini ada membahaskan aspek-aspek metafizik dan epistemologi yang berkait rapat dengan aspek-aspek pemikiran pendidikan
- iii. Apakah definisi dan tujuan pendidikan, yang dapat dirumuskan dari kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah*?
- iv. Bagaimanakah bentuk kurikulum serta apakah metodologi pendidikan yang dapat dirumuskan dari kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah*?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meneliti keperibadian Ibn Qayyim al-Jawziyyah serta menganalisis kedudukan dan sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran pendidikan Islam.
- ii. Meneliti tujuan, sumber rujukan dan metodologi penulisan kitab, serta meneliti aspek-aspek metafizik dan epistemologi yang berkaitan dengan pemikiran pendidikan dalam kitab ini.
- iii. Mengkaji dan menganalisis definisi dan tujuan-tujuan pendidikan dalam

pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah*.

- iv. Mengkaji dan menganalisis kurikulum dan metodologi pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah*.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam berbagai sudut sasaran pendidikan. Antaranya ialah kepada:

1.5.1 Perkembangan ilmu dan dunia intelektual

Kajian ini akan mendedahkan tentang kepentingan falsafah kepada perkembangan pendidikan. Kepentingan ini perlu di dibincangkan secara meluas dalam dunia ilmu dan pendidikan. Hakikatnya, tanpa asas falsafah, sistem pendidikan tidak akan berdiri dengan kukuh dan mantap. Falsafah atau pemikiran pendidikan yang berguna tidak boleh diimport atau dipinjam dari orang lain. Ia mestilah wujud dari lingkungan kehidupan yang lahir dari prinsip dan asas agama, kebudayaan kesatuan dan kepelbagaian yang ada dalam lingkungan masyarakat itu sendiri.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara umat Islam, pemikiran pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dapat dilihat sebagai sumber falsafah yang didasari asas dan sumbernya dari milik bersama iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta jejak warisan para al-salaf al-ṣaliḥ. Kajian mendalam penulis terhadap pemikiran pendidikan Ibn Qayyim secara umum dan secara khususnya terhadap kitab *Miftāḥ Dār al-Sa‘ādah* menyerlahkan bahawa pemikiran pendidikan tokoh ini mempunyai asas falsafah yang kukuh dalam aspek metafizik, epistemologi dan aksiologi. Asas-asas falsafah yang terkandung dalam

pemikiran pendidikan beliau ini dapat menjawab kekeliruan dalam falsafah pendidikan Barat yang atheis dan bercorak materialism.

Konsep ketuhanan dan konsep manusiyang dibincangkan oleh beliau mempunyai kerangka ruh dan etika yang jelas dalam membentuk insan kamil yang dicitakan dalam falsafah pendidikan Negara. Konsep ketuhanan yang dibincangkan oleh beliau dalam khususnya dalam pembuktian terhadap kewujudan Allah S.W.T dan sifat-sifat kesempurnaannya, konsep takdir dan kebebasan manusia, wajar digali dan dibahaskan secara serius sebagai panduan kepada perumusan makna dan hakikat pendidikan, tujuan-tujuan pendidikan, kurikulum dan metodologi pendidikan. Demikian juga dengan konsep manusia yang membahaskan tentang hakikat kejadian manusia, tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah.

1.5.2 Majikan Khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia Dan Institut Pendidikan Guru

Pengkaji menyedari bahawa kefahaman yang jelas terhadap asas-asas falsafah atau pemikiran pendidikan adalah amat penting kepada seseorang guru kerana ia akan membantu mereka untuk memahami asas teoretikal berhubung dengan pendidikan khususnya proses pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan ini seterusnya akan mempengaruhi amalan mereka sebagai seorang guru. Sebagai seorang ahli akademik dan pensyarah di Institut Pendidikan Guru yang secara hakikinya mendidik guru dan bakal guru di sekolah, pengkaji berharap kajian ini yang dari sudut teori dan kerangka konseptualnya mengupas teori dan asas falsafah pendidikan, akan memberi sumbangan yang bermakna kepada seluruh pelajar Institut Pendidikan Guru dan seluruh pelajar-pelajar dalam bidang pendidikan Islam yang bakal terlibat dalam profesyen perguruan.

Khususnya dalam usaha memantapkan pemikiran mereka dengan falsafah pendidikan Islam.

Dalam tinjauan pengkaji terhadap kurikulum ilmu falsafah pendidikan Institut pendidikan guru, didapati bahawa penonjolan pemikiran pendidikan tokoh-tokoh pemikir muslim adalah amat terhad sekali.⁴⁴ Bahkan pemikiran pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah hampir tidak ada dan tidak pernah ditonjolkan dalam sebarang kandungan kurikulum ilmu falsafah pendidikan sedangkan beliau meninggalkan warisan idea pemikiran pendidikan yang amat kaya dan lengkap.

Namun demikian kekayaan dan kelengkapan idea ini tidak mungkin dapat ditonjolkan jika tidak berdasarkan kajian yang berwibawa dan bersifat teoritis. Berdasarkan hakikat tersebut pengkaji berkeyakinan bahawa kajian ini amat bertepatan sekali dalam merumuskan konsep pemikiran pendidikan untuk dijadikan sebagai sebahagian dari kandungan kurikulum ilmu falsafah pendidikan dalam kurikulum pendidikan guru di Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

1.6 TINJAUAN LITERATUR

Dalam tinjauan literatur ini pengkaji mengelompokkan tinjauan terhadap pemikiran pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah ini kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah kajian terhadap pemikiran pendidikan Islam secara umum samada melalui tesis ataupun buku-buku ilmiah dalam kajian pemikiran pendidikan. Sorotan literatur terhadap kajian pemikiran pendidikan Islam dalam bentuk umum ini adalah amat pent-

⁴⁴ Terdapat 6 orang sahaja tokoh-tokoh pemikir pendidik Muslim yang dikemukakan secara ringkas dalam sukatan ilmu falsafah pendidikan guru di Malaysia iaitu; Al-Kindi, Ibn Sina, Ibn Rushd, al-Ghazali, Ibn Khaldun dan al-Farabi. Lihat Choong Lean Keow (2007), *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

ing kepada pengkaji dalam menyiapkan proposal dan rangka kerja terhadap tajuk kajian. Ia juga menyediakan landasan teori dalam mengukuhkan isi perbahasan dan analisis kajian.

Bahagian kedua dalam tinjauan literatur ini seterusnya menganalisis kajian terhadap pemikiran Ibn Qayyim dalam pelbagai bidang ilmu dan pemikiran. Tinjauan ini amat penting kepada pengkaji dalam menganalisis ketokohan beliau dan sumbangannya kepada perkembangan pemikiran umat. Manakala bahagian ketiga literatur ini seterusnya memfokuskan perbahasan dan analisis terhadap kajian pemikiran pendidikan Ibn Qayyim secara khusus yang menjurus kepada tajuk yang sama dengan kajian ini iaitu pemikiran dan konsep pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah.

1.6.1 Kajian Dalam Pemikiran Pendidikan Islam secara umum

Dalam merangka reka bentuk, isi kandungan perbahasan dan juga isu-isu yang perlu dibahaskan dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan tinjauan literatur terhadap kajian-kajian yang berkaitan dengan pemikiran pendidikan antaranya; Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), dalam bukunya *Falsafah dan amalan pendidikan Islam: Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*.⁴⁵ Buku setebal 404 halaman ini membahaskan secara detail terhadap pemikiran pendidikan S.M. Naquib al-Attas. Wan Mohd Nor Wan Daud telah menganalisis konsep-konsep asas pemikiran pendidikan S.M. Naquib al-Attas dengan asas-asas falsafah pendidikan dari sudut metafizik, epistemologi dan aksiologi.

⁴⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam S.M Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*.

Aspek metafizik dalam buku ini dibincangkan seawal bab pertama yang mengandungi perbincangan tentang definisi metafizik menurut al-Attas, manusia dan psikologinya, kebebasan dan nasib manusia dan konsep alam raya. Pemikiran pendidikan Al-Attas dari aspek metafizik seterusnya merangkumi perbincangan tentang makna dan tujuan pendidikan. Dari aspek epistemologi dan aksiologi pula perbincangan menjurus kepada perbincangan tentang ilmu dan cara mencapainya, kurikulum dan kaedah pendidikan. Kandungan perbincangan tentang pemikiran pendidikan al-Attas ini memberi panduan kepada pengkaji dalam merangka isi kandungan perbincangan terhadap pemikiran pendidikan Ibn Qayyim al-Jawziyyah.

Abdul Rahman Haji Abdullah pula dalam bukunya *Wacana Falsafah Ilmu*⁴⁶ membahaskan dengan detail tentang persoalan ilmu berdasarkan tiga komponen utama dalam falsafah; ontologi, epistemologi dan aksiologi. Setiap tema dari tiga komponen falsafah ini dibahaskan oleh Abdul Rahman secara detail dan komprehensif dari sudut definisi, ruang lingkup perbincangan, tokoh-tokoh yang terlibat dan sejarah perkembangannya.

Dari sudut ontologi buku ini membahaskan tentang hakikat ilmu yang merangkumi perbincangan terhadap ruang lingkup ilmu, klasifikasi ilmu, kandungan kurikulum dan hukum ilmu. Dari aspek epistemologi pula buku ini membahaskan tentang sumber ilmu, kebenaran ilmu dan kaedah-kaedah untuk mencapai ilmu. Dalam aspek aksiologi, buku ini membahaskan tentang konsep nilai dan tanggungjawab ilmuan. Apa yang menarik dalam buku ini juga ialah setiap dari komponen falsafah ini dikaitkan dengan pemikiran pendidikan Islam. Buku ini menyediakan asas yang kukuh kepada

⁴⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah (2005), *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.